

23 MAR 2000

PRESIDEN GHANA TIBA DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN PERIBADI

LANGKAWI, 23 Mac (Bernama) -- Presiden Ghana Leftenan Udara Jerry John Rawlings tiba di sini hari ini untuk lawatan peribadi selama tiga hari.

Beliau yang diiringi oleh isteri Nana Konadu Agyeman-Rawlings dan empat orang anaknya disambut oleh orang kenamaan tempatan.

Rawlings juga diiringi oleh Menteri Luar Ghana James Victor Gbeho dan Timbalan Menteri Pertahanan Dr Tony Aidoo.

Esok, beliau dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Dr Mahathir juga dijangka mengadakan majlis jamuan malam untuk meraikan Rawlings di sebuah hotel terkemuka di sini.

-- BERNAMA

NH FAZ